

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. SANTHARA**  
**[SEGAMAT]**  
**TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 11**

**Y.B. DATO' SERI DR. SANTHARA [ SEGAMAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai SOP Cukai Haram yang sedia ada dan jika Kerajaan berhasrat untuk menaikkan kadar cukai tersebut dan memutihkan operasi-operasi judi haram agar dapat melaksanakan pemantauan yang lebih baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, barang-barang yang dikategorikan sebagai *demerit goods* seperti produk tembakau, rokok dan minuman keras dikenakan cukai tidak langsung yang meliputi duti import, duti eksais dan cukai jualan. Bagi aktiviti perjudian, antara cukai yang dikenakan adalah cukai perjudian, duti pertaruhan, duti kasino dan duti mesin slot. Pengenaan duti/cukai ini bertujuan untuk mengimbangi *externalities* negatif yang wujud kesan daripada pengambilan dan penggunaan produk dan aktiviti yang tidak digalakkan.

Kerajaan sentiasa mengkaji kadar duti/cukai ke atas produk yang terlibat dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sebagai contoh, kadar duti eksais ke atas produk tembakau dan rokok telah dikaji dan dinaikkan pada tahun 2015. Langkah ini adalah selaras dengan saranan di bawah *World Health Organisation Framework Convention On Tobacco Control (WHO FCTC)* supaya komponen cukai secara purata hendaklah mencapai 70% daripada harga jualan pada sekotak rokok. Bagi minuman keras, langkah menaikkan kadar duti/cukai telah dilaksanakan pada tahun 2016 di mana struktur duti eksais minuman keras telah diubah kepada bentuk spesifik berdasarkan kandungan alkohol bagi seliter produk. Selain itu, cukai jualan ke atas produk rokok dan minuman keras turut dikenakan pada kadar 10% mulai 1 September 2018 di mana ianya adalah lebih tinggi berbanding cukai jualan pada kadar 5% yang dikenakan sebelum era pelaksanaan GST.

Bagi aktiviti perjudian, Kerajaan telah melaksanakan kajian semula struktur duti, fi dan bayaran lesen berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019. Sebarang perancangan bagi mengkaji dan meningkatkan kadar duti/cukai memerlukan kajian menyeluruh dengan mengambil kira keberkesanan pelaksanaan langkah peningkatan duti/cukai yang sedang berkuatkuasa serta keadaan pasaran dan langkah-langkah penguatkuasaan bagi membendung aktiviti penyeludupan yang berlaku susulan kenaikan harga jualan yang disebabkan oleh faktor

duti/cukai yang tinggi.

Berhubung operasi pemutihan judi haram, sebagaimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 yang lalu, Kerajaan bercadang untuk mengenakan penalti mandatori minimum sebanyak RM100 ribu dan hukuman penjara mandatori minimum enam bulan bagi penjudi haram. Bagi pengendali perjudian haram, hukuman mandatori minimum RM1 juta dan hukuman penjara minimum 12 bulan akan dikenakan. Langkah ini menunjukkan keseriusan Kerajaan dalam membendung aktiviti judi haram yang semakin berleluasa dalam negara.

Selain memantau aktiviti ekonomi yang sedia ada dalam jaringan data Kerajaan, Kerajaan juga serius dalam menangani isu ekonomi bayangan atau *shadow economy*. Kerajaan telah mengarahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk terus melaksanakan undang-undang percukaian dengan efektif dan efisien, serta meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan mengikut ruang lingkup perundangan yang sedia ada selain meningkatkan kompetensi warga kerja LHDNM dengan memanfaatkan sepenuhnya teknologi Big Data dalam mengesan pembayar cukai culas ini yang masih tidak berada dalam jaringan percukaian negara.